

Analisis Keperluan Pembangunan Model Pencegahan Holistik Terhadap Pengaruh Gejala LGBT dalam Kalangan Remaja di Selangor

BITARA

Volume 8, Issue 1, 2025: 63-78
 © The Author(s) 2025
 e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
 Received: 3 December 2024
 Accepted: 26 December 2024
 Published: 19 January 2025

[Analysis of The Need for Developing a Holistic Prevention Model Against The Influence of LGBT Symptoms among Adolescents in Selangor]

Noor Hafizah Mohd Haridi,¹ Hayati Hussin,² Norsaleha Saleh,³
 Khairul Hamimah Mohammad Jodi,⁴ Moid Ridhuan Moid Jamil,⁵
 Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahman⁶ & Oo Cheng Keat ^{1*}

¹ Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: noorhafizah@uis.edu.my

²* Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia Bandar Baru Nilai 71800 Nilai Negeri Sembilan, E-mail: hayati.hussin@usim.edu.my

³* Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: norsaleha@uis.edu.my

⁴* Faculty of Social Sciences & Humanities, Open University Malaysia, Menara OUM, Jalan SS7/19, Kelana Jaya, Selangor, E-Mail: khairul_hamimah@oum.edu.my

⁵* Jabatan Pengajian Pendidikan, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, E-mail: mridhuan@fpm.upsi.edu.my

⁶* Graduate Business School, Kompleks Al-Farabi, Jalan Ilmu/1, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA, E-mail: Aalfaizee@uitm.edu.my

⁷* Oo Cheng Keat, Faculty of Social Science & Humanities, Open University Malaysia, 8th Floor, OUM Tower, Block C, Kelana Centre Point Complex, Jalan SS7/19, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Email: oochengkeat@oum.edu.my

*Corresponding Author: noorhafizah@uis.edu.my

Abstrak

Analisis keperluan merupakan salah satu fasa yang penting dalam proses pengumpulan data untuk dianalisis secara sistematis bagi mendapatkan input terhadap keperluan pembangunan sesebuah modul yang mantap serta bersesuaian dengan pengguna sasaran. Kajian kualitatif ini bertujuan memperoleh data analisis keperluan bagi pembangunan Model Pencegahan Holistik Terhadap Pengaruh Gejala LGBT Dalam Kalangan Remaja Di Selangor. Seramai lima orang informan telah dipilih sebagai peserta kajian. Peserta kajian dipilih secara pensampelan bertujuan dan menepati kriteria yang telah ditetapkan. Data daripada temu bual separa berstruktur ini dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian ini memberi implikasi positif usaha membangunkan model ini secara holistic. Hasil kajian juga telah memberi satu indikator penting kepada kajian seterusnya iaitu untuk mereka bentuk dan membangunkan Pembangunan Model Pencegahan Holistik Terhadap Pengaruh Gejala LGBT dalam Kalangan Remaja Di Selangor.

Kata kunci: Analisis Keperluan, Pembangunan Model, Pencegahan Holistik, Pengaruh, LGBT, Remaja

Abstract

Requirements analysis is one of the important phases in the data collection process to be systematically analyzed to obtain input on the development needs of a robust module that is suitable for target users. This qualitative study aims to obtain analysis data of the needs for the development

of a Holistic Prevention Model Against the Influence of Lgbt Symptoms Among Teenagers in Selangor. A total of five informants were selected as study participants. Study participants were selected by purposive sampling and met the criteria that had been set. Data from these semi-structured interviews were analyzed descriptively. The findings of this study have positive implications for developing this model holistically. The results of the study have also provided an important indicator for the next study which is to design and develop the Development of a Holistic Prevention Model Against the Influence of LGBT Symptoms among Teenagers in Selangor.

Keywords: Needs Analysis, Model Development, Holistic Prevention, Influence, LGBT, Youth



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Noor Hafizah Mohd Haridi, Hayati Hussin, Norsaleha Saleh, Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Wan Mohd Al Faizee Wan Ab Rahman & Oo Cheng Keat. (2025). Analisis Keperluan Pembangunan Model Pencegahan Holistik Terhadap Pengaruh Gejala LGBT dalam Kalangan Remaja di Selangor [Analysis of The Need for Developing a Holistic Prevention Model Against The Influence of LGBT Symptoms among Adolescents in Selangor]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 63-78.

Pengenalan

Masalah kekeliruan gender semakin mendapat perhatian ramai masyarakat di Malaysia ketika ini. Jika di luar negara, isu ini sudah menjadi kebiasaan dan golongan ini telah diangkat ke tahap yang perlu dihormati sehingga perkahwinan sesama jenis adalah dihalalkan di sana. Lihat sahaja role model mereka iaitu artis barat yang banyak mengalami kekeliruan gender ini. Berbeza dengan masyarakat di Malaysia, kerana di sini kita masih mempunyai agama dan adat resam yang perlu dipatuhi oleh setiap kaum di Malaysia. Isu berkenaan dengan Lesbian, Gay, Biseksual, Transeksual/Transgender atau lebih dikenali sebagai “LGBT” bukanlah isu baru di Malaysia. LGBT ini dikatakan telah bertapak dalam negara ini sejak awal tahun 1980 dengan kegiatan mak nyah dan pondan. (Haridi, Noor Hafizah Bt Mohd, 2016). Malaysia dikejutkan dengan isu gerakan kemanusiaan yang diperjuangkan kebebasannya di Malaysia. Sebagaimana penelitian Renn, isu gerakan kebebasan kemanusiaan ini menuntut agar golongan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transeksual (LGBT) diiktiraf di Negara ini.

Isu Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) dilihat kini semakin membimbangkan dan ianya perlu diberi perhatian oleh semua pihak termasuk badan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat awam. Berdasarkan laporan berita oleh KOSMO pada Ogos 2023 telah memetik kata-kata dari Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Mohd. Na’im Mokhtar yang menyatakan bahawa mana-mana usaha untuk mempromosi serta menormalisasikan gaya hidup songsang yang bercanggah dengan ajaran Islam dan fitrah insan seperti lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) adalah tidak boleh diterima sama sekali di Malaysia.

Kementerian Kesihatan baru-baru ini mengeluarkan laporan “Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS): Tinjauan Kesihatan Remaja 2022.” Tinjauan yang dilakukan pada 12 Jun – 8 Julai 2022 ini bertujuan menilai tingkah laku yang membahayakan kesihatan dan faktor-faktor yang menghalangnya dalam kalangan pelajar di Malaysia, sebagai proksi status kesihatan remaja di negara ini. Berdasarkan kepada laporan Tinjauan Kesihatan Remaja 2022 ini, berikut adalah statistik mengenai remaja dan aktiviti seksual: (Institut Kesihatan Umum 2022. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2022 :Tinjauan Kesihatan Remaja – Penemuan Utama)

- a. 154,646 remaja dilaporkan pernah melakukan hubungan seks;
- b. 11% daripada mereka mempunyai lebih daripada seorang pasangan;
- c. 33% daripada mereka mula melakukan hubungan seks sebelum berumur 14 tahun;
- d. 75% daripada mereka melaporkan bahawa mereka ada melakukan hubungan seks baru-baru ini;
- e. 88% daripada mereka tidak menggunakan kondom; dan,
- f. 88% daripada mereka tidak menggunakan apa-apa kaedah perancang keluarga.

Aktiviti seksual seumpama ini tentu sahaja memberi kesan negatif kepada remaja tersebut. Sebagai contoh, memiliki lebih daripada seorang pasangan mungkin akan mendedahkan mereka kepada penyakit kelamin. Tidak menggunakan kondom atau apa-apa kaedah perancang keluarga akan mendedahkan remaja perempuan kepada kehamilan yang tidak dirancang. Itu tidak termasuk kesan negatif dari segi dosa yang tercatat bagi mereka yang terlibat sekiranya mereka adalah remaja Muslim

Keterlibatan remaja Islam di Malaysia dalam aktiviti yang meruntuhkan akhlak seperti pergaulan bebas dan perlakuan zina adalah satu perkara yang sangat membimbangkan. Kenyataan ini bukannya suatu persepsi kosong bertujuan untuk merendahkan martabat orang Islam atau menakutkan mana-mana pihak semata-mata. Bahkan, kenyataan ini disokong oleh hasil kajian-kajian lepas yang menunjukkan, terdapat banyak peningkatan kelahiran anak tak sah taraf atau anak zina direkodkan hasil daripada perzinaan dan seks bebas yang kebanyakannya dari kalangan remaja Muslim di Malaysia (Wan Ismail et al.,2021).

Menurut Teori Perkembangan Psikoseksual Freud, mengatakan bahawa personaliti terbentuk sepanjang manusia melalui satu siri perkembangan daripada bayi sehingga dewasa. Segala peristiwa yang berlaku semasa proses peningkatan itu adalah peralihan dari segi pengeluaran tenaga id atau libido khususnya tenaga seksual dari satu bahagian badan ke bahagian badan yang lain. Perkembangan inilah yang membawa kepada kewujudan peringkat-peringkat perkembangan psikoseksual iaitu oral, anal, falik, latensi dan genital. Perkembangan identiti remaja berkembang pesat dalam lingkungan usia 12 hingga 20 tahun. Pada usia ini remaja sering mengalami konflik dengan diri sendiri seperti kecelaruan identiti dan mudah terpengaruh dengan aktiviti yang boleh memberi kesan negatif pada diri sendiri. Pada tempoh ini juga remaja dikatakan berekspertamasi dengan identiti dan perkembangan seksual mereka. Justeru, tanpa panduan yang jelas amat mudah untuk remaja terjerumus kepada pelbagai tingkah laku seks yang tidak sihat seperti gejala seks bebas, seks sebelum berkahwin, seks songsang dan sebagainya. Sekiranya tidak dipantau oleh orang dewasa kebarangkalian tingkah

laku seks yang tidak sihat ini menjadi suatu amalan dan terus diamalkan walaupun mereka telah melangkah ke alam pengajian tinggi mahupun pekerjaan. Kebanyakan isu berkaitan seks sudah mula dekat dengan remaja bermula dari zaman kanak-kanak seterusnya zaman remaja.

Justeru, artikel ini akan membincangkan berkaitan analisis keperluan pembangunan model pencegahan holistik terhadap pengaruh gejala LGBT dalam kalangan remaja di Selangor. Kajian ini penting bagi menyumbang kepada usaha-usaha pencegahan gejala LGBT oleh pihak kerajaan mahupun bukan kerajaan. Elemen pencegahan gejala ini perlu dikenal pasti bagi memastikan gejala ini tidak terus menular dan membarah dalam kalangan masyarakat khususnya golongan remaja.

LGBT di Malaysia

Malaysia merupakan salah sebuah negara yang berpegang kepada ajaran Islam sebagai agama persekutuan sebagaimana yang dijelaskan terdapat dalam Perkara 3. Peruntukan Islam turut disentuh dalam Perkara 121 (1A) iaitu melalui peruntukan ini menjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi Sivil tidak boleh mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah. Ini kerana sebelum pindaan itu dibuat terdapat beberapa kes (seperti wakaf, penjagaan anak, mungkir janji untuk berkahwin dan lain-lain) di mana Mahkamah Sivil telah membuat keputusan mengenai perkara yang termasuk dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah dan adakalanya telah mengubah keputusan yang telah dibuat di Mahkamah Syariah termasuklah isu yang melibatkan LGBT (Nazri Muslim , Ahmad Hidayat Buang, 2012).

Pada peringkat awal, isu dan berita mengenai LGBT di Malaysia tidak diberikan perhatian oleh media di Malaysia, namun secara perlahan-lahan akhbar di Malaysia memberikan peluang untuk isu LGBT ditulis dan diterbitkan untuk bacaan dan paparan umum. Berita- berita LGBT tidak digambarkan secara negatif dan juga tidak digambarkan secara positif, namun dapat dirumuskan bahawa berita-berita yang ditulis lebih kepada memberikan amaran, pengajaran dan menyatakan pendirian kerajaan, golongan pakar, akademik, NGO terhadap isu golongan ini serta kesan negatif LGBT terhadap institusi agama dan pendidikan (Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, 2019), contohnya isu seorang pengetua pusat tahliz yang ditangkap di atas kesalahan melakukan jenayah seksual kepada sembilan orang pelajar pusat tahliz di bawah kendaliannya serta seorang warden asrama dijatuhi hukuman penjara 133 tahun dan 42 sebatan di Mahkamah Seksyen atas kesalahan liwat dan jenayah seksual terhadap pelajar tahliz (Roshila Murni Rosli. 2019)

JAKIM melaporkan terdapat lebih kurang 310,000 rakyat Malaysia yang homoseksual pada tahun 2018 (Malaymail, 2021). Jumlah tersebut mungkin semakin bertambah apabila LGBT di Malaysia dilaporkan semakin mendapat tempat dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Perbuatan seks luar tabi'e dan songsang merupakan antara isu kritikal yang semakin berleluasa dalam kalangan pelajar universiti. Malah terdapat juga penganjuran program- program yang berunsurkan LGBT yang cuba dirancang di universiti-universiti di Malaysia yang dipercayai di Universiti swasta (Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, 2019).

Kajian yang dilakukan oleh Jaringan Melayu Malaysia (JMM) di Malaysia, mendapati sebanyak 21 laporan polis telah dibuat sepanjang tahun 2011 berkenaan pembabitan pelajar sekolah rendah dan menengah dalam kegiatan seks luar tabii yang lebih dikenali sebagai seks sejenis. Malah ketika tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP) pada tahun 2020 menunjukkan Malaysia merupakan antara negara yang paling banyak mengakses laman web pornografi (Malaysiapost, 2021). Berdasarkan maklumat profil masyarakat Malaysia berdaftar di laman-laman sosial LGBT, penglibatan masyarakat berbangsa Melayu mencatatkan peratusan yang kedua tertinggi (19%) selepas masyarakat Cina (70%). Berdasarkan takrifan perlembagaan bahawa Melayu itu beragama Islam, jumlah tersebut sangat merunsingkan kerana LGBT jelas dilarang oleh agama Islam dan norma kehidupan masyarakat Melayu di Malaysia. Kajian juga mendapati bahawa peningkatan peratusan Melayu adalah disebabkan oleh peratusan tinggi yang dicatatkan di laman www.onelovenet.com. Peratusan profil masyarakat Melayu dalam laman sosial ini mencatatkan peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 50.3% jika dibandingkan dengan masyarakat berbangsa lain. Sebaliknya, profil Melayu yang mendaftar di laman sosial lain seperti www.fridea.com hanya 5% sahaja dan www.axcest.com pula hanya sebanyak 3.7% (Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Sabree Nasri, 2019).

Kesan LGBT ini bukan sahaja menjelaskan imej agama, negara, kehidupan sosial malah memberi kesan kepada kesihatan dan nyawa . Sepanjang 2018, sebanyak 3,293 kes HIV baru dilaporkan di negara ini. Lebih membimbangkan ramai berumur 20 dan 40 tahun dilaporkan dijangkiti HIV dengan kematian kumulatif seramai 43,843 orang antara tempoh 1992 hingga (Berita Harian, 2018.) Sepanjang tahun 2012-2014 dilaporkan 92,768 pasangan bercerai berpunca dari LGBT. Perceraian menjadi pilihan pasangan apabila mengetahui pasangannya seorang lesbian, gay, biseksual dan transgender. (Asyraf, 2016).

Malaysia masih belum mempunyai peruntukan perundangan yang khusus untuk LGBT. Namun kesalahan jenayah seksual seperti perlakuan seksual di luar tabii merupakan satu kesalahan berdasarkan sistem perundangan di Malaysia. Sistem perundangan di Malaysia meletakkan perundangan Islam yang terdapat di setiap negeri di Malaysia terpakai kepada semua orang yang beragama Islam. Ini jelas menunjukkan perbuatan LGBT ini merupakan suatu kesalahan di bawah undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri yang mana peruntukan kesalahannya merangkumi kesalahan seperti liwat, lelaki beraksi seperti perempuan, perempuan beraksi seperti lelaki, musahaqah, perhubungan jenis luar tabi'e, pondan dan hubungan jenis sesama jantina. Maka kesemua kesalahan tersebut terkandung sebagai peruntukan kesalahan yang terdapat dalam setiap akta, enakmen dan ordinan negeri-negeri di seluruh Malaysia (Mohamad Afandi Md Ismail, Sehingga kini, Malaysia bertegas tidak menerima amalan seks songsang dalam kalangan rakyatnya khususnya melibatkan unsur Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) walaupun dikecam oleh negara barat di atas nama hak asasi manusia kerana Malaysia masih berpegang teguh kepada nilai-nilai moral berlandaskan adat, budaya dan agama (Firdaus Azil, 2020)

Fenomena LGBTd Kalangan Remaja

Menurut Marbawi (2006) dan Brill (1983), LGBT adalah singkatan bagi lesbian, gay, biseksual dan transeksual. Sesetengah pihak telah menambah akronim ini kepada LGBTQIA, di mana Q merujuk kepada perkataan Queer iaitu tidak pasti tertarik kepada jantina yang mana. Manakala I merujuk kepada perkataan Intersex iaitu individu yang tertarik kepada kedua-dua jantina dan ianya boleh ditakrifkan sama seperti Biseksual, seterusnya akronim A merujuk kepada Aseksual iaitu mereka yang tiada minat seksual terhadap mana-mana jantina (Melati Sumari, 2022). Berdasarkan definisi di atas dapat dirumuskan LGBT merujuk kepada perkumpulan manusia yang mempunyai orientasi seks songsang yang melangkau batas fitrah kemanusiaan dan merupakan gaya hidup yang menyalahi tuntutan agama dan tatasusila budaya timur apatah lagi dengan perlakuan yang menyalahi tabi'e manusia. Komuniti ini pada dasarnya ditubuhkan untuk memperjuangkan hak-hak mereka yang dikatakan tertindas dan tidak bebas dengan berselindung di sebalik topeng akta hak-hak asasi manusia.

Remaja merupakan satu kelompok masyarakat yang dikategorikan sebagai golongan belia yang belum matang. Kebiasaannya ahli psikologi mengkategorikan golongan berdasarkan kepada usia mereka, iaitu antara umur 11-20 tahun. Dalam Islam, tahap usia remaja dihubungkan dengan baligh atau murahiqah (Azzyati & Fariza 2016). Murahiqah dari sudut bahasa bermaksud penderitaan, berasingan dan terburu-buru, tergopoh-gapah dan mudah melakukan perkara buruk (Muhammad Hamid & Khaulah Darwish 1997). Merujuk kepada istilah ini, ternyata golongan remaja yang belum ke tahap usia matang memang bersifat tergopoh-gapah dan terburu-buru. Sifat tersebut menjadikan remaja mudah terlibat dalam perkara yang tidak baik kerana mereka tidak dapat berfikir secara matang tentang buruk baik sesuatu perkara. Itulah sebabnya, remaja mudah terlibat dengan masalah sosial. Hampir setiap hari terdapat berita dalam media massa seperti di kaca televisyen dan surat khabar mengenai pelbagai salah laku yang melibatkan golongan muda (Haris 2004). Begitu juga dengan kajian-kajian lepas tentang penglibatan remaja dalam kegiatan salah laku (Fariza 2005, 2015; Masuriyati & Che Zarrina Sa 'ari 2016)

Jumlah remaja berusia 19 tahun ke bawah yang terlibat dalam jenayah seksual pada 2023 meningkat sebanyak 30 peratus berbanding 2022, dengan lebih 470 belia ditahan. Menteri Negara (Ehwal Dalam Negeri), Cik Sun Xueling, mendedahkan demikian pada Seminar Kesedaran Jenayah Seksual di Kompleks Polis Cantonment pada 15 April sambil menjelaskan dua sebab yang membawa pada kenaikan tersebut. Terdapat dua faktor utama yang dikenal pasti iaitu pendedahan awal remaja kepada bahan lucah atau kegiatan seksual golongan dewasa. Manakala faktor kedua pula melibatkan maklumat yang kurang tepat atau sesuai tentang perilaku dan hubungan seksual.

Menurut pernyataan pihak polis, antara jenayah seksual yang paling banyak berlaku adalah aksi seksual melibat mangsa bawah umur, dan ramai dalam kalangan mangsa mengenali pelakunya. Pakar psikologi utama dan penolong pengarah di Divisyen Psikologi Pasukan Home Team di Kementerian Ehwal Dalam Negeri (MHA), Cik Shamala Gopalakrishnan, menekankan tentang penggunaan Internet dan telefon bimbit yang meningkat, serta belia yang dibesarkan sebagai warga natif digital. (Berita Harian, 15 April 2024)

Fasa Analisis Keperluan

Dalam pendekatan kaedah DDR, fasa pertama adalah fasa analisis keperluan. Fasa ini antara fasa yang penting memandangkan fasa ini pengkaji akan dapat mengenal pasti setiap persoalan kajian yang dijalankan dalam kajian yang digunakan dalam membentuk model yang akan dibangunkan (Ridhuan, Saedah, Zaharah, Nurulrabiah dan Ahmad Arifin, 2014). Dalam fasa ini, pengkaji mereka bentuk analisis keperluan yang diperlukan sepanjang proses kajian berdasarkan temubual dan pembacaan daripada literatur. Oleh yang demikian, fasa ini merupakan fasa penting bagi pengkaji untuk mengenal pasti keperluan untuk membina model pemulihan holistik terhadap Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT) di Malaysia.

Menurut McKillip (1987), fasa analisis melibatkan fasa mengenal pasti dan menilai keperluan perkara yang ingin dikaji yang akan menentukan keputusan yang ingin dicapai. Proses mengenal pasti dan menganalisis keperluan dikenali juga dengan proses mengenal pasti masalah yang wujud dalam kalangan populasi yang dipilih. Proses ini juga melibatkan proses mengenal pasti cara penyelesaian yang terbaik yang boleh diambil oleh pengkaji (Witkin dan Altschuld, 1995). Fasa ini juga lebih memfokuskan kepada apa yang sepatutnya dilakukan berbanding dengan apa yang telah dilakukan (Riviere, 1996). Dalam fasa ini pengkaji menggunakan kaedah temu bual. Temu bual adalah alat yang digunakan secara meluas untuk mendapatkan pandangan secara mendalam dalam persepsi dalaman, sikap dan kelakuan serta perasaan sebenar mereka (Cohen, Manion dan Morrison, 2007). Temu bual dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu temu bual secara berstruktur, temu bual secara semi-struktur dan temu bual tidak berstruktur (Merriam, 2009).

Temubual secara tidak berstruktur iaitu secara soalan terbuka (open-ended Question) kepada 5 orang responden yang dipilih secara pensampelan bertujuan (purposive sampling) bagi mendapatkan pandangan mereka tentang keperluan kepada pembinaan model pemulihan holistik dalam skop komuniti LGBT. Responden yang terlibat dalam analisis keperluan terbahagi kepada dua iaitu komuniti LGBT berhijrah dan juga pakar. Seramai 3 orang komuniti LGBT berhijrah dan 2 orang pakar telah yang terlibat. Soalan berbentuk terbuka (open-ended) dibina membolehkan pengkaji mencungkil pelbagai maklumat daripada sampel. Selain itu, penggunaan open-ended Question memudahkan pengkaji untuk memperoleh dan menganalisis maklumat yang diperoleh (Richie dan Klien, 2007). Menurut Merriam (2009) penggunaan soalan terbuka dan tertutup adalah lebih fleksibel, lebih bersifat eksplorasi dan ia sesuai jika pengkaji tidak mengetahui isu atau fenomena yang sebenar dan ingin diteroka.

Di samping itu penggunaan soalan terbuka dapat membantu memberi penambahan maklumat yang diperlukan oleh pengkaji (Van Den Akker, 1999). Item-item yang dibina dalam bentuk soalan terbuka (open-ended) bertujuan untuk mencungkil dan merangsang seseorang memberi respons secara aktif berdasarkan pengalaman-pengalaman mereka dalam sesuatu isu. Setelah soalan terbuka diedarkan kepada responden (komuniti LGBT berhijrah & pakar) yang dipilih, maklumat yang diperoleh akan di transkripkan melalui pengekodan transkripsi berikut:

Jadual 1.0: Pengekodan Transkripsi Temu bual Komuniti LGBT dan Pakar

Informan	Kod
Komuniti LGBT 1	K1
Komuniti LGBT 2	K2
Komuniti LGBT 3	K3
Komuniti LGBT 4	K4
Pakar 1	P

Jadual 1.0 menunjukkan matriks pengekodan temu bual ditetapkan sebelum dianalisis menggunakan kaedah analisis secara induktif (creswell, 2003) dan seterusnya mengenal pasti tema interaksi responden terhadap setiap jawapan yang diberikan oleh responden. Objektif utama fasa ini adalah untuk melihat keperluan kepada pembinaan model pemulihan holistik dalam kalangan komuniti LGBT dan melihat sejauh manakah keperluan pembinaan model pencegahan holistik terhadap pengaruh gejala LGBT dalam kalangan remaja di Selangor berdasarkan kepada pandangan informan yang dipilih mengikut kategori yang ditetapkan.. Fasa ini dijalankan berdasarkan kaedah temu bual terhadap 5 orang pakar dengan menggunakan soalan terbuka (Open-ended Questions).

Menurut Othman (2007) kajian menggunakan kaedah kualitatif secara dasarnya bukanlah hanya untuk mencari elemen baru seperti dalam kajian sains natural, namun ia bersifat untuk mengukuhkan kesedaran tentang sesuatu isu dengan mengemukakan suatu dialog dan daripada kajian tersebut dapat meningkatkan kefahaman dan amalan. Ia juga boleh digunakan untuk melihat perspektif dan analisis yang berbeza secara mendalam tentang sesuatu isu yang dibangkitkan (Othman, 2007). Straus dan Corbin (1998) menyatakan bahawa penggunaan kaedah kualitatif boleh digunakan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang sesuatu fenomena yang belum diketahui secara mendalam. Oleh yang demikian, pengkaji menggunakan soalan terbuka yang dijawab pakar untuk mengetahui keperluan kepada pembinaan model berdasarkan kepada fenomena yang wujud mengikut pandangan pakar di samping untuk melihat fenomena secara lebih mendalam.

Demografi Informan Analisis Keperluan

Dalam menjalankan analisis keperluan ini, lima informan yang terdiri daripada pakar dalam dakwah terhadap LGBT dan komuniti LGBT ditemu bual. Berikut merupakan demografi bagi setiap informan kajian.

Jadual 2 : Data Demografi Informan

Informan	Jantina	Pengalaman	Pekerjaan
P1	Perempuan	30 Tahun sebagai kaunselor	Kaunselor dan Pensyarah
K1	Lelaki	Lebih 10 tahun sebagai transgender	Akauntan

K2	Perempuan	Lebih 10 tahun sebagai lesbian	Penulis
K3	Lelaki	Lebih 10 tahun sebagai gay	Sukarelawan Rumah Pertubuhan
K4	Lelaki	Lebih 10 tahun sebagai biseksual	Guru Agama

Sumber: Temu bual dan analisis dokumen dari maklumat butiran peribadi pengamal LGBT dan pakar.

Perbincangan

Jadual berikut merupakan persoalan kajian yang perlu dijawab dalam memenuhi analisis keperluan bagi kajian ini.

Jadual 3: Objektif dan Persoalan Kajian Bagi Fasa Analisis Keperluan

Objektif Kajian 1	Persoalan Kajian 1
Mengenal pasti keperluan model pencegahan holistik terhadap pengaruh gejala LGBT dalam kalangan remaja di Selangor berdasarkan pandangan pakar dan pengamal LGBT berhijrah	<p>Apakah faktor yang mendorong kepada pengaruh gejala LGBT?</p> <p>Apakah kaedah dan usaha pencegahan yang sesuai bagi mencapai pencegahan yang holistik dan komprehensif terhadap komuniti LGBT?</p> <p>Adakah terdapat keperluan model pencegahan holistik terhadap LGBT berdasarkan pandangan komuniti LGBT dan pakar?</p>

R1 Apakah faktor yang mendorong kepada pengaruh gejala LGBT?

Berdasarkan sorotan kajian literatur memang tidak dinafikan bahawa fenomena LGBT semakin hari semakin meluas dalam kalangan masyarakat sehingga memberi kesan terhadap agama, kesihatan, institusi keluarga dan sebagainya. Terdapat beberapa faktor yang mendorong individu tersebut terjebak dengan gejala LGBT ini. Kajian oleh Megat Ahmad & Md Nawi (2015) menjelaskan gejala kecelaruan identiti ini berlaku disebabkan dua faktor iaitu faktor masa silam dan faktor perasaan. Faktor masa silam seperti hubungan dengan ibubapa dan faktor perasaan pula seperti pandangan terhadap diri yang berasa selesa dengan penampilan yang berlawanan dengan jantinanya. Tambahan itu, kajian oleh Sulaiman et al. (2017) mendapati bukan sahaja faktor kurangnya penghayatan agama yang menjadikan seseorang itu LGBT, tetapi faktor masyarakat dan faktor diri sendiri turut menyumbang perlakuan sedemikian. Oleh yang demikian daripada beberapa kajian yang disebutkan, maka jelas bahawa faktor hubungan kekeluargaan, penghayatan agama yang kurang dan faktor keadaan persekitaran adalah penyumbang kepada perilaku gejala LGBT dalam masyarakat. Pengkaji mendapati bahawa terdapat kesepakatan pakar dalam isu ini. Ini berdasarkan kenyataan responden:

“Mereka terpengaruh dengan LGBT salah satu dari sudut pengaruh kawan. Sebab kalau dari universiti tu, kita nampak ada geng-geng , member-member LGBT tu. Mula-mula tak nampak LGBT, lama-lama nampak dia jadi gitu. Saya tak tahu la saya tak buat research tapi nampak pengaruh kawan-kawan tu ada. Tapi ada juga kita kata kalau kita nampak orang tu lembut, tapi sebenarnya dia ok. Tapi yang selalu berlaku tu apa yang kita nampak misalnya ada beberapa pelajar. Dia pengaruh kawan-kawan dia dan akan group dengan orang yang sama. Dia suka orang yang sama, dia tak akan pergi kawan dengan orang lain. Itu yang saya nampak.”(P1)

“Kalau transgender ni dia suka kepada kewanitaan sifat-sifat kewanitaan dia suka bergaya, cantik. Ini sebenarnya adalah dalam hati. kalau kita nak. kau dah potong ke? kau tak potong ke? antara kau dengan Allah.” (K1).

“Ada attraction bila tengok perempuan. Walaupun Kak Tina perempuan, tapi feeling tu sebagai lelaki. Bila dengan perempuan, Kak Tina akan feeling sebagai lelaki sejak kecil lagi. In my case. Sebab saya, satu lagi, adik-beradik saya semua lelaki. Surrounding saya pun begitu. Jadi lasak. Lepas tu saya main permainan budak-budak lelaki. Saya tak selesa main dengan budak perempuan, macam main-main sikit dia dah menangis. Saya jadi rasa bosan. Jadi saya main dengan budak lelaki. Main lasak sampai main dalam tanah liat lah, masuk dalam belukar lah. Sampai tapak kaki pecah, kena paku, semua saya lalui. Saya sangat-sangat lasak. Jadi daripada situlah, bila saya jumpa budak-budak perempuan, saya ada kecenderungan rasa nak tengok perempuan, rasa malu depan perempuan. ” (K2).

“Mula terjebak ketika masih kecil pada umur 9 tahun. Masa umur 9 tahun tu duduk di asrama, satu asrama tu semua lelaki sahaja. So bila lelaki saja tu dia ada konsep sex-abused lah terkena dengan senior macam tu lah. So bila dah masuk sekolah menengah, saya pergi sekolah dekat Serendah, saya sama juga benda itu berulang juga. So bila berulang, bila kita dah jadi senior, kita pulak buat dekat junior kita. So benda itu dia berulang-ulang sajalah. Bila keluar tu, semua benda kita nak buat. Mula-mula tu tak tahu apa benda, apps ke apa semua tu. so bila ada apps tu nama Grindr, saya kenal dengan kawan saya tu, dia terang lah kat sini dia boleh buat ni, buat tu, boleh mendapat ni, apa semua tu tapi saya tak sampai menjual dirilah. So kat situ, saya memang banyak cari untuk melepaskan. So saya ada berkawan dengan kawan yang money boy/pelacur.” (K3).

“Bermula dari aktiviti-aktiviti perkhemahan tapi kecenderungan tu tak fully melainkan on-off. Di dalam sekolah tu sendiri pun masih ada lagi yang golongan-golongan tu dekat sekolah. Cuma di sekolah tu saya tak pernah terlibat dengan apa-apa aktiviti begitu melainkan di luar waktu sekolah macam kawan-kawan di kampung. Parents tak tahu terlibat dengan aktiviti tu. Saya kahwin

muda dan isteri sampai sekarang tak tahu saya terlibat dengan aktiviti ni. Saya nampak penggunaan media sosial tu dari situ diorang dapat. Tak perlu pergi ke mana-mana, hanya dekat app sahaja.” (K4).

R2 Apakah kaedah dan usaha pencegahan yang sesuai bagi mencapai pencegahan yang holistik dan komprehensif terhadap remaja?

Tindakan awal perlu diambil bagi membendung penularan tersebut dan merangka kaedah pencegahan yang holistik dan komprehensif terhadap remaja di Selangor agar terhindar dari pengaruh gejala LGBT. Pengkaji mendapati bahawa terdapat kesepakatan pakar dalam usaha mencegah penularan kegiatan LGBT. Ini berdasarkan kenyataan responden

“Jalan terbaik dari sudut pendidikan, dia pendidikan bukan mula di sekolah. Maknanya beri pendedahan pada parent, parent kena tahu apa benda boleh buat. Sebab LGBT ni dia menjurus kepada agama. Mungkin kalau takdak agama benda ni yang berleluasa. Tapi agama yang menyebabkan kita tidak boleh melakukan benda tu. Kemudian di samping tu ada perkara yang akan berlaku bila buat benda tu. Saya rasa perlu ada pendedahan secara umum di peringkat sekolah menengah, sebab dah matang dan dewasa. Dia perlu kepada pendedahan-pendedahan ini lah. Baru-baru saya dilantik sebagai penilai untuk kaunseling sekolah-sekolah seluruh Malaysia. Salah satunya saya tengok pendidikan seks. Saya tanya kenapa ajar sekolah rendah? Sebab sekolah rendah ni dia tak sesuai, cara pengajaran berbeza dari sudut itu. Kita kata ni laki ni perempuan, orang laki matang macam mana, perempuan macam mana. Kemudian pendedahan lebih advance tu di peringkat-peringkat umur perkembangan.” (P1)

“Pencegahan perlu bermula dari rumah. Kalau kita sebut agama ni, tarbiah daripada rumah, ibu bapa, dia perlu pantau dan tahu pergerakan setiap anak-anak dia. Jadi mula terlibat LGBT ini oleh kerana mereka terpengaruh dengan kawan, jadi saya masih ingat kalau kita kecil-kecil ibu bapa itu kerja kerajaan, saya tak bebas hingga umur saya 17-18 tapi ibu saya masa dia hidup dia mencegah sebab dia dari sekolah agama walaupun kakitangan kerajaan tapi dia memang pantau anak-anak dia saya tak bebas, saya tak bercampur dengan orang-orang luar, saya tercegah. Cikgu-cikgu perlu bimbing, dia boleh nampak, cikgu-cikgu ni dia tahu dalam katalah 20 anak murid dia, satu ni dia dah boleh baca. Cikgu Islam yang beragama ni sangat penting, bila ada ni tarbiah daripada guru agama, dia akan tercegah, dia kena ada dalam ilmu agama, sebab terpenting ilmu, kalau tak ada ilmu dia tak tahu mana yang haram, mana yang halal. Jadi bila budak-budak ni dia membesar, kita cakap benda ni tak boleh, dilarang daripada agama, dia akan takut, perasaan takut tu kan, jadi untuk mencegah daripada akar ni, bermula dari keluarga. Kalau keluarga yang runtuh, yang tak mantap ni, anak-anak akan terbiar. Mak bapak tak ada masa nak tengok anak-anak.” (K1)

“Saya rasa silibus kena ada kepada ustaz-ustaz, bukan mengeluarkan dari segi hukum sahaja. Ia tidak memahami bahawa, salah satu subjek yang saya pelajari iaitu Islam dan sains. Jadi sains moden berbeza dengan sains tradisional. Tapi dari segi biologi, kita punya agamawan, asatizah kita, lack of knowledge tentang sains, biologi terutamanya. Kena ada satu silibus yang membimbang guru-guru kaunseling ini untuk memahami macam mana nak menangani generasi macam ni. Dia lebih kompleks sebab dengan gadgetnya lagi. Kami ni generasi X. Sekarang dah generasi Z dah. Dan satu lagi adalah support system sangat penting. Tekankan orang yang berkahwin. Ilmu parenting tu satu dan ilmu nak menjadi lelaki bagaimana, perempuan macam mana (didikan). Ada kes yang mana contohnya khunsa. Kita kena faham khunsa itu apa, dia bukan tiba-tiba claim saya khunsa. Ada kaedah-kaedah untuk menentukan bahawa orang itu khunsa. Dari segi khunsa dan lain kena ada ilmu. Cuma balik kepada makbapak, bila anak-anak nak kahwin, perlu memahami ke mana hala tuju diorang. Dia nak bawa ke mana. Sebab diorang yang produce anak. Dia bukan semata-mata kahwin, cinta tetapi tanggungjawab dia sangat besar dan luas.” (K2)

“Pencegahan holistik yang kita boleh buat, dalam kita nak mengajak, nak membendung sesuatu benda ni kan kita jangan terlalu keras. kalau orang terlalu keras dengan kita, maksudnya kita macam tak nak lah. lagi satu sekarang ni, apa yang saya nampak tu betul dia nak mencegah, betul dia nak menghalangi sesuatu tu tapi cara dia itu tak betul dia terlalu mengutuk sangat. tanpa dia tahu kenapa kita buat. ni kadang-kadang kita kena tengok, dia betul, kita salah tapi kita jangan tinggalkan langsung. Mungkin sebab pendedahan awal remaja terdedah dengan perkara yang macam ni, gejala sosial. Tak ada cara lain pun, mereka boleh pergi terus ke family. Buat aktiviti bersama family, terangkan benda ni apa yang bagus, tak bagus untuk pada masa depan anak-anak dia kan. bila ada pendedahan, mak bapak boleh tengok anak kita ada masalah tak dengan gangguan sosial. Satu lagi pencegahan holistik yang kena ada dalam pusat pemulihan ni, dia kena ada orang-orang yang tahu masalah sosial sekarang. dia tak boleh orang yang tak tahu apa itu masalah sosial. Sebenarnya, sex education tu sangat lah penting. Sebabnya dekat situ kita diajar untuk cara kita dapat tahu di sex groomingkan oleh seseorang. Kat sekolah ada pencegahan dadah, so boleh jugak pencegahan yang macam tu.” (K3)

“Solat alhamdulillah jaga. Orang kata solat itu merupakan perbuatan mencegah keji dan mungkar, tapi keadaan tu sebaliknya. Saya letak solat ni bukan tunjukkan kita baik, solat ni sebab kita punya tanggungjawab. kita nak kena jawab, kita perlu jawab. Saya kalau kata dari segi solat tu, dari sekolah menengah lagi saya dah jaga.” (K4)

R3 Adakah terdapat keperluan model pencegahan holistik terhadap LGBT berdasarkan pandangan komuniti LGBT dan pakar?

Berdasarkan analisis temu bual yang dijalankan, majoriti informan kajian bersetuju terhadap keperluan mewujudkan model pemulihan holistik terhadap LGBT di Malaysia. ini digambarkan dengan pernyataan:

“Kita perlu melihat dari sudut nilai. Kita mengajar dia tentang nilai, apa yang boleh buat apa yang tak boleh buat. Sebenarnya kita ingat benda tu kalau keseluruhan tanpa agama dia kata ok. Tapi nilai individu tu boleh kait dengan sesuai kah begitu? Ada limitasi misal orang laki dan perempuan. Kita mesti tanamkan nilai bahawa orang laki apa tanggungjawabnya. Kalau takdak nilai dia akan buat ikut suka hati dia la, itu hak dia.” (P1)

“Kalau remaja ni tak lain dan tak bukan ibu bapa, yang kedua ustaz/ustazah/ulama kena main peranan. Kena terlibat dengan masyarakat. Masyarakat akan berubah kalau ulama main peranan. Termasuk dalam institusi agama. Kalau khutbah Jumaat tu nasihat jemaah masuk dalam masjid dengar khutbah, ada yang main fon. Tapi perkara yang macam tu yang penting. Kena asingkan laki dan perempuan khususnya dalam institusi pendidikan. Jauhkan dari syahwat. Sekolah hari ni sampai bertepuk tampar.” (K1)

“Ada. Memang perlu. Sebab pemulihan tu, itu yang dah rosak. Sebab dalam masyarakat akan melahirkan generasi seterusnya, ini yang penting untuk dikekang. Yang satu lagi dah haru biru, dia dah nak betul then kita support je. Yang lain-lain ni macam yang bercampur dengan masyarakat, yang bekerja, anak, perkahwinan, ini yang kita nakkekang dan dicegah. Tambah-tambah rumah bantuan kerajaan, PPR kawasan padat situ lah lubuk untuk dicegah.” (K2)

“Saya nampak, bila ada orang yang nak membuat modul ataupun nak membuat sesuatu benda, kempen pencegahan, saya rasa benda ni sangat-sangat penting yang mana pada waktu sekarang ni pun, bila remaja-remaja sekarang pun sangat terdedah yang mana dunia tanpa sempadan.” (K3)

“Saya nampak keadaan agak tenat sebenarnya. Nak mencegah ni satu kelompok yang besar tapi sapa ja yang nak datang, berapa ramai yang hadir. Mencegah untuk beberapa orang tu okay.” (K4)

Berdasarkan hasil temubual yang telah dilaksanakan. Kesemua informan bersetuju model pencegahan holistik terhadap pengaruh gejala LGBT dalam kalangan remaja mestilah dibangunkan. Setiap pihak mestilah cakna dan lebih serius dalam menangani isu berkaitan LGBT yang semakin menular pengaruhnya dalam masyarakat. Kesepakatan pakar dalam fasa ini membolehkan kajian terhadap pembangunan model pencegahan holistik ini dilaksanakan pada fasa seterusnya iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan model.

Kesimpulan

Bagi umat Islam, isu lesbian, gay, biseksual, transgender (LGBT) adalah isu akidah yang sangat serius. Status jantina dan orientasi seksual mengelirukan golongan mengamalkan LGBT itu akan menyebabkan berlakunya kerosakan yang sangat besar terhadap hukum-hakam dalam perkahwinan, faraid dan keturunan manusia. Di dalam fasa kehidupan sebagai seorang remaja, pelbagai anasir dan permasalahan yang dilihat dapat mengganggu-gugat jiwa dan perasaan golongan ini yang akhirnya membawa kepada tekanan yang lebih besar dalam hidup mereka. Orientasi seksual merupakan fasa penting yang dialami remaja dalam mengenali keperluan seksual dan pemilihan pasangan mereka. Namun, orientasi seksual juga sering mengundang permasalahan. Hal ini kerana, mereka yang mempunyai kecenderungan seksual yang songsang atau berbeza dari orientasi seksual normal sering menyalahkan keadaan dan diri mereka melalui persepsi negatif yang terbina dalam diri mereka dalam menginterpretasikan persepsi masyarakat terhadap mereka. Permasalahan yang tidak dibendung atau diatasi segera akan membawa kepada gejala sosial yang lebih kronik seperti pelacuran, seks bebas, membunuh diri, lari dari rumah, dan banyak lagi. Kajian ini penting dilaksanakan bagi mencari penyelesaian yang benar efektif dalam membanteras pengaruh gejala LGBT terhadap remaja. Justeru, implikasi kajian ini ialah semua pihak berkepentingan, iaitu ibu bapa, pihak sekolah, PIBG dan NGO termasuklah penggerak pusat perlindungan dapat mengetahui, membuka mata dan mengambil kira faktor yang mempengaruhi penglibatan remaja dalam gejala ini. Pengetahuan tentang perkara ini seterusnya dijadikan sebagai panduan dalam merangka setiap inti pati kandungan program yang bersesuaian untuk dilaksanakan kepada sasaran golongan remaja ini daripada terjebak dalam masalah sosial yang dapat mengancam kesejahteraan bukan sahaja negara malah mengancam keharmonian serta kesucian agama.

Penghargaan

Artikel ini merupakan sebahagian hasil penyelidikan yang dijalankan di bawah dana SUK/GPNS/2023/PKS/10

Rujukan

- Abdul Halim, Zainab Zakirah, Azmi, Dania Salsabila, & Marni, Nurazmallail. (2019, 15 Disember 2019). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam. Kertas Kerja Dibentangkan di *Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, DP3, N29, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Tenaga, UTM Johor.
- Kamal Azmi Abd. Rahman, Mastura Md. Nizam & Ain Balkis Mohd Azam. (2015). Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT. Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Azzyati Mohd Nazim & Fariza Md Sham. 2016. *Remaja Berisiko dan Peranan NGO Wanita*. Kuala Terengganu: Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Barton, Richard. "Psychosocial rehabilitation services in community support systems: A review of outcomes and policy recommendations." *Psychiatric Services* 50(4), 25-36

- Brill, S. (1983). *The Lesbian and Gay Almanac and Events of the Year*. New York: Berkley Books.
- Che Zarrina Sa'ari, Nor Azlinah Zaini (2016). Terapi Spiritual Melalui Kaedah Tazkiyah Al-Nafs oleh Syeikh Abdul Qadir al-Mandili Dalam Kitab Penawar Bagi Hati. *Afkar* 18 : 35-72
- Erikson, E. H. (1963). *Childhood and society*. W. W. Norton & Company.
- Fariza Md. Sham. 2015. Kemahiran Psikologi Dakwah kepada Golongan Remaja. *Jurnal al-Hikmah* 7(1): 95-101.
- Gullotta, T. P., Adams, G. R., & Montemayor, R. (Eds.). (2000). *Adolescent psychosocial development: A review of current research*. Sage Publications.
- Haridi, Noor Hafizah Bt Mohd. "Kumpulan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama di Malaysia." *Islam Realitas: Journal of Islamic and Social Studies*. 2(2). 35-46.
- <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/07/69741/program-mukhayyam-pulih-golongan-lgbt>
- <https://www.ikim.gov.my/index.php/2023/06/26/remaja-dan-aktiviti-seksual/>
- Jeanete Ophilia Papilaya, 2016. Lesbian, Gay, Biseksual, Transgender (LGBT), dan Keadilan Sosial. *Journal Humaniora Yayasan Bina Dharma*, 3(1). 56-70.
- Jodi, Khairul Hamimah Muhammad, and Noor Hafizah Mohd Haridi. Cabaran dan Pendekatan Dakwah Golongan LGBT: Satu Kajian di Pertubuhan Usrah Fitrah. *International Seminar on Human Development (Is-Hud'18)*, vol. 22. 2018.
- Kosciw, Joseph G., et al., "The Effect of Negative School Climate on Academic Outcomes for LGBT Youth and The Role of In-School Supports", *Journal of School Violence*, 12(1), 25-26.
- Mahfudzah Mohamad, (2015) *Lesbian, gay, biseksual dan transgender: perspektif undang-undang jenayah syariah*. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 19, 29-36.
- Marbawi, H. (2006). *Kamus Marbawi: Lengkap Indonesia-Arab*. Semarang: CV. Budi Utama.
- Marziana, A. Malib, Sofiah, D. M. and Mustafa, A. (2014) 'Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita?', *Journal of Business and Social Development*, 2(2), 48-61.
- Melati, Sumari and Dini Farhana, Baharudin and Fatahyah, Yahya and Mohd Radhi, Abu Shahim (2022) *Family Intervention in the Treatment of Female Juvenile Delinquency : A Qualitative Study in the Collectivist Society of Malaysia. The Family Journal : Counseling and Therapy for Couples and Families*. pp. 1-7.
- Najib Abdul Wakil. "Isu LGBT Di Malaysia: Satu Tinjauan Terhadap Aspek Kajian: LGBT Issues In Malaysia: A Review Of Research Aspects." *INSLA E-Proceedings* 3, no. 1 (2020)
- Noor Hafizah Haridi, et.al, "Metodologi Dakwah Terhadap Golongan Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender (LGBT)", *Jurnal Pengajian Islam*, 9(2), 103-118.
- Noor Hafizah Haridi, Norsaleha Mohd Salleh. (2016). Kumpulan Lesbian, Gay, Biseksual dan Transgender (LGBT) Ancaman Terhadap Keamanan dan Keharmonian Beragama Di Malaysia. *Islam Realitas: Journal of Islamic & Social Studies*, 2(2), 205-212.
https://doi.org/10.30983/islam_realitas.v2i2.190

- Rahman, Q., & Wilson, G. D. 2003. "Born Gay? The Psychobiology of Human Sexual Orientation". *Personality and Individual Differences*, 34(8): p. 1337–1382. doi:10.1016/S0191- 8869(02)00140-X.
- Renn, Kristen A., "LGBT and Queer Research In Higher Education: The State and Status of The Field", *Educational Researcher*, 39(2). 250-261.
- Renn, Kristen A., "LGBT Student Leaders and Queer Activists: Identities of Lesbian, Gay, Bisexual, Transgender, and Queer Identified College Student Leaders and Activists", *Journal of College Student Development*, 48(3). 35-58.
- Rezki Perdani Sawai, Joki Perdani Sawai, Mashitah Sulaiman, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin & Norizatul Masturah Mohd Zaki. (2019). Kepentingan Regulasi Emosi Bagi Pasangan Berkahwin. *Seminar on Marital and Sexuality Counselling* (MASEC 2019). Universiti Sains Islam Malaysia
- Ryan, Caitlin, et al., "Family Acceptance in Adolescence and The Health of LGBT Young Adults", *Journal of Child and Adolescent Psychiatric Nursing*, 23(4). 89-100.
- Savin-Williams, R. C., & Ream, G. L. (2007). "Prevalence and Stability of Sexual Orientation Components During Adolescence and Young Adulthood". *Archives of Sexual Behavior*, 36(3), 385–394.
- Ulrichs, K.H. (1994). The Riddle of Man-Manly Love. Buffalo, New York: Prometheus Books
- Veritasia, Mytha Eliva, "Pengungkapan Informasi Privat tentang Identitas Seksual Seorang Gay kepada Orang Lain", *Commonline Departemen Komunikasi*, 4(2), 250-262.
- Wan Ismail, W. A. F., Baharuddin, A. S., Mutalib, L. A., Mamat, Z., & Abdul Shukor, S. (2020). A Comparative Study of The Illegitimate Child Term from Shariah and Malaysia Legal Perspective. *Humanities & Social Sciences Reviews*, 8(4), 101-109. <https://doi.org/10.18510/hssr.2020.8412>